



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 1/2023  
30 JANUARI 2023 (8 RAJAB 1444H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini, dalam Mesyuarat Majlis yang pertama bagi tahun 2023. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang telah dilantik bagi penggal 2023. Justeru itu, saya sangat berharap agar kerjasama di antara kita semua berpanjangan dan sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi.

Pelantikan ini menuntut keprihatinan dan komitmen yang tinggi Ahli-Ahli Majlis untuk berkhidmat dengan penuh iltizam dan bersungguh-sungguh bagi mencapai hasrat wawasan negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Justeru itu, pendekatan '*total participation*' selaras dengan *best practices* dan gabungan kepakaran Ahli-ahli Majlis serta kerja berpasukan agar kita dapat menguruskan dan memacu bandar raya Petaling Jaya ini dengan baik selaras dengan halatuju Bandar Raya Pintar, Mampan, Berdaya Tahan dan Dinamik. Di samping itu juga, nilai-nilai bersama MBPJ diharapkan menjadi

pegangan dan amalan dalam setiap tindakan warga Majlis iaitu setia, integriti, profesionalisme, utamakan pelanggan dan kerja berpasukan.

Saya berharap Ahli-Ahli Majlis dapat bersama-sama menghayati serta mengamalkan Nilai Bersama dengan menitikberatkan kecekapan, akauntabiliti serta keberkesanan hasil kerja yang cemerlang. Keutamaan kita adalah berusaha bersungguh-sungguh dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada pelanggan-pelanggan Majlis dan memenuhi ekspektasi masyarakat di Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

2. Perkhidmatan awam adalah tonggak kepada Negara dan tugas utama penjawat awam adalah mengangkat sistem dan peraturan negara dengan tegak dan hukumnya.

Warga perkhidmatan awam tidak boleh mengamalkan budaya selesa sebaliknya bertekad dan beriltizam untuk terus melaju dalam melaksanakan perubahan ke arah yang lebih baik dalam pentadbiran perkhidmatan awam demi meletakkan martabat kepentingan dan hak rakyat sebagai keutamaan dalam membudaya prinsip ketelusan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Kesungguhan Kerajaan membuat perubahan dengan tidak mengizinkan sebarang kebocoran, ketirisan, bermewah dalam melaksanakan program dan rasuah terus berleluasa perlu disambut baik semua pihak. Turut ditekankan perubahan kontrak Kerajaan juga tidak akan diberi kecuali melalui tender terbuka.

Kerjasama erat penjawat awam dengan kepimpinan Kerajaan perlu dipereratkan lagi dalam usaha membawa perubahan yang positif dan transparensi, menggalakkan pelaburan, memulihkan keyakinan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah membawa kegemilangan negara.

Sehubungan itu, jika tiada perubahan berlaku, peraturan tidak dipatuhi dan ada upaya dalam mencari kesempatan akan merosakkan imej dan menjejaskan kekuatan penjawat awam sebagai tonggak kegemilangan negara dalam menjalankan tugas.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,**

3. Hala tuju Bajet 2023 Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah ke arah usaha-usaha untuk menambah nilai tinggi kepada ekonomi bandar dan hasil Majlis serta menyokong *Blueprint* Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan 2030, PJSSR 2030 yang meliputi Alam Sekitar, Habitat Berdayahuni, Ekonomi Vibran, Komuniti Mampan dan Urustadbir Baik. Hala tuju ini akan terus didokong demi untuk memberikan kehidupan yang sejahtera kepada penduduk. Selaras dengan hasrat tersebut, tema Bajet 2023 Majlis yang dipilih adalah **“Merangsang Ekonomi, Mensejahtera Komuniti”**.

**Merangsang Ekonomi** bermaksud Majlis sebagai pihak berkuasa tempatan atau moderator berperanan penting membantu merealisasi serta merencanakan semula pembangunan ekonomi Petaling Jaya berasaskan komuniti dan sosial melalui pemeraksanaan program-program yang telah disusun setelah endemik.

Antara program-program yang akan dilaksanakan adalah transformasi aktiviti industri kepada perkhidmatan dan perdagangan memberi impak kepada asas ekonomi melalui Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 51, Seksyen 51A dan Seksyen 19 Petaling Jaya serta permintaan daripada pemilik-pemilik tanah untuk menukar zon gunatanah berdasarkan keperluan keadaan semasa tapak dan potensi pembangunan serta pembangunan ekonomi yang mempengaruhi perubahan guna tanah melalui penyediaan Draf Rancangan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 5) dan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 4).

Selain itu, perancangan 'kelas kegunaan tanah', kajian-kajian dan kajian selidik berkaitan Rancangan Pemajuan juga akan dilaksanakan. Pengezonan semula kawasan perumahan kepada limited komersial, pembangunan pusat-pusat penjaja baru yang akan disusun secara tahunan.

Penjanaan pendapatan golongan B40 di Petaling Jaya akan dipermudahcarakan atau di *facilitate* seperti melonggarkan syarat permohonan lesen perniagaan kepada peniaga kecil dan sederhana. Selain itu, aktiviti-aktiviti menjana pendapatan khususnya kepada golongan OKU dan projek pembangunan usahawan seperti penjenamaan semula gerai-gerai Majlis akan dilaksanakan pada tahun 2023 dengan matlamat ke arah pembasmian kemiskinan bandar.

**Mensejahtera Komuniti** pula bermaksud matlamat yang ingin dicapai oleh Majlis terhadap penduduk apabila program-program merangsang pembangunan ekonomi dapat dinikmati oleh seluruh penduduk Petaling Jaya. Ini kerana kesejahteraan yang dinikmati oleh penduduk merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti.

Konsep kesejahteraan komuniti menjelaskan strategi merubah sesebuah komuniti berdasarkan pendekatan yang berkaitan dengan aspek pengurusan masalah sosial, peningkatan aktiviti ekonomi bagi memenuhi keperluan hidup, pengurangan isu pengangguran dan penyediaan peluang mobiliti sosial dalam komuniti.

Majlis bermatlamat untuk menyediakan komuniti dengan keadaan persekitaran yang selamat, merasai kepuasan menyeluruh terhadap keperluan asas bandar yang disediakan dan memaksimumkan peluang mobiliti sosial. Dengan program-program yang telah dicadangkan pada tahun 2023, Majlis berharap dapat membantu penduduk merasa harmoni dan sejahtera dalam menjana pendapatan, dapat berkongsi amalan budaya, norma serta nilai yang sama yang seterusnya akan memberi kesan positif ke atas kesejahteraan komuniti Petaling Jaya. Berdasarkan tema ini, Bajet 2023 disediakan berteraskan kepada lima (5) halatuju yang utama seperti berikut :

- a) **Alam Sekitar** – Pengurusan bandaraya berkarbon rendah, pengangkutan yang sustainable, *circular economy*, persekitaran bersih dan imej bandar yang menarik dan hijau
- b) **Habitat Berdaya Huni** – Pengurusan bandar yang selamat dan *resilient*, bandar inklusif, bandar mesra kanak-kanak dan bandar pembelajaran
- c) **Ekonomi Vibran** – Pembangunan ekonomi bandar dan Pembangunan Usahawan
- d) **Komuniti Mampan** – Pembangunan bandar *Society 5.0*, perumahan mampu milik dan komuniti berbudaya

- e) **Urustadbir Baik** – Pengurusan *EGovernance city*, urustadbir berteraskan libat urus (*engagement*), pembangunan modal insan dan pematuhan dasar, polisi dan undang-undang

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati sekalian,**

4. Majlis Bandaraya petaling Jaya menyambut baik saranan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai usaha membenih dan menyemai budaya perpaduan tidak hanya terletak di bahu pemerintah sebaliknya setiap rakyat mesti memainkan peranan yang ampuh dan berterusan dalam memelihara keamanan, kerukunan serta semangat bersatu padu adalah wajar dijadikan keutamaan yang paling utama penting untuk dilaksanakan.

Sebarang mesej atau seruan berbaur kebencian dan cubaan untuk mengapi-apikan perbezaan harus dibenam dengan sikap kasih sayang serta rahmah. Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan rancam budaya, adalah menjadi kebiasaan dan kewajipan setiap kita untuk mengambil kesempatan dalam menyambut perayaan mengikut kepercayaan untuk mengeratkan silaturahmi antara rakyat dengan mengucapkan kata-kata yang indah buat mereka. Ini secara langsung akan menjadikan sesuatu hubungan itu semakin harmoni dan seterusnya akan melahirkan sikap masyarakat yang penyayang.

Kesejahteraan negara tidak akan tercapai sepenuhnya jika aspek kesatuan tidak dijaga dan dimantapkan dengan baik. Usaha untuk memupuk kesatuan ummah dan pembentukan masyarakat majmuk boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti menghayati dan menekuni rukun negara dengan baik, menghayati konsep kepimpinan yang diamanahkan untuk mentadbir dan mengurus mengikut peraturan yang ditetapkan. Ia juga dapat dimantapkan apabila pemimpin dan

masyarakat berperanan dalam mengamalkan dan mewujudkan keadilan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Dalam konteks sebuah negara berdaulat yang memiliki komuniti majmuk dan berlatarbelakangkan pelbagai kaum, Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan adalah punca kuasa dan rujukan utama dalam usaha menjamin kesejahteraan dalam kehidupan.

Sikap tolak ansur, saling hormat menghormati dan tidak mengamalkan sikap penting diri sendiri seharusnya dibudayakan dengan penuh mekar seiring dengan perpaduan yang hendak dieratkan lagi. Justeru, sebagai warga Selangor dan masyarakat Petaling Jaya yang penyayang, kita seharusnya menzahirkan sikap masyarakat majmuk yang amat cintakan perpaduan, keharmonian dan saling bekerjasama dalam apa jua keadaan dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu untuk menentukan masa depan negara agar lebih gemilang, stabil dan aman damai. Buang yang keruh, ambil yang jernih dan tekad untuk menapak maju ke hadapan dalam membina negara yang disifatkan *Baldatun Toyyibatun wa Rabbun Ghafur* (negeri yang baik dan Tuhan yang Maha Pengampun).

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

5. Selaras dengan konsep kebersamaan yang diketengahkan, Kerajaan sentiasa komited dalam soal menjaga kebajikan rakyat untuk memastikan tidak ada yang tertinggal dalam mengecapi nikmat kemakmuran negara termasuk golongan penjaja dan peniaga kecil. Selain itu, kebajikan golongan miskin terutama miskin tegar akan terus menjadi keutamaan Kerajaan Perpaduan.

Selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Majlis Perasmian Konvensyen Hari Penjaja dan Peniaga Kecil peringkat kebangsaan Tahun 2022, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diminta menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lebih teratur dan selesa bagi memberi peluang kepada peniaga kecil dan penjaja meneruskan perniagaan di dalam persekitaran yang kondusif kerana mereka juga turut menyumbang peningkatan mewakili golongan berpendapatan rendah.

Menurutnya, usaha ini merupakan fokus utama dan komitmen kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan keutamaan tidak hanya kepada kepada mencatat pembangunan kemajuan tetapi ia mestilah memberi manfaat kepada sebilangan besar rakyat yang berpendapatan rendah.

Dalam keadaan ekonomi domestik kembali rancak termasuk yang diusahakan oleh rakyat kumpulan penjaja dan peniaga kecil, agensi kerajaan harus juga memainkan peranan yang penting dengan melihat suasana kini telah berubah.

Pendekatan berkonsepkan 'Rahmah' akan terus ditekankan dalam semua program kerajaan. Bertemakan program Rahmah, ia akan dijadikan tema dalam semua program bantuan rakyat miskin, terutama miskin tegar yang menjadi keutamaan pentadbiran kerajaan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus komited dalam usaha membantu golongan-golongan yang memerlukan di Petaling Jaya. Pelbagai inisiatif dan kerangka program dibuat bagi memastikan golongan ini akan terus mendapat keutamaan dan perhatian dari segi bantuan yang diperlukan dalam usaha untuk merangsang dan merancakkan semula sektor ekonomi.



## **Tuan-tuan dan puan-puan yang di kasihi sekalian,**

6. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan agensi barisan hadapan yang paling kerap berurusan dengan rakyat. Perkhidmatan yang ditawarkan PBT akan sentiasa menjadi penanda aras kecekapan dan prestasi perkhidmatan Kerajaan dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan PBT di samping beriltizam bagi memastikan hasrat dan agenda untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat menjadi realiti.

Majlis komited dalam melaksanakan program-program mengikut keperluan dan aspirasi penduduk Petaling Jaya. Pelbagai program dan pembangunan telah dilaksanakan Majlis bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang mengharapkan perkhidmatan yang cepat, efisien, efektif, mudah dan murah. Penganjuran program seperti *PJ City Food Bank*, Perkhidmatan Bas Percuma, Kebun Komuniti 'Kebun Kita', Program Bandar Selamat, Projek *i-Play Park* dan pelbagai lagi telah meletakkan hubungan Majlis dan masyarakat bertambah erat bagi memastikan perkhidmatan perbandaran dapat disampaikan dengan lebih efektif dan terbaik kepada rakyat.

Seiring dengan amanat YB Menteri Tuan Nga Kor Ming, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memastikan perkhidmatan asas PBT seperti jalan raya rata, kebersihan tandas awam, lampu terang dan longkang bersih antara misi utama untuk menyampaikan khidmat terbaik kepada rakyat. Penyelesaian isu ini merupakan kayu pengukur kepada kecekapan PBT dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Majlis melihat usaha ini bertepatan dengan misi Majlis dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti demi kesejahteraan bandar raya Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang di kasihi sekalian,**

7. Berlandaskan objektif Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021- 2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah menggariskan empat (4) dimensi keterjaminan makanan yang digariskan oleh *Food and Agriculture Organization (FAO)* iaitu ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampanan. Empat (4) dimensi ini akan menajdi kayu ukur kepada Kementerian dalam memastikan keterjaminan makanan Negara mampu bertahan dalam jangka masa yang panjang.

Unjuran data menunjukkan bahawa dunia bakal berhadapan dengan krisis bekalan makanan, kenaikan inflasi, pemanasan global dan perubahan iklim. Sektor pertanian antara sektor yang dijangka turut akan terkesan.

Justeru itu, satu perancangan dan tindakan yang tersusun perlu dilakukan segera oleh semua pihak bagi mencukupkan bekalan makanan dalam negara dan memastikan rakyat mempunyai akses kepada semua jenis nutrien yang diperlukan.

Kebergantungan yang tinggi kepada makanan import perlu diminimumkan dalam usaha mempertingkatkan sekuriti makanan dan menstabilkan harga bekalan. Krisis bekalan makanan yang mula melanda dunia menunjukkan sudah tiba masanya isu ini diberi perhatian serius oleh pihak bertanggungjawab bagi menjamin setiap rakyat mempunyai akses kepada makanan mencukupi pada bila-bila masa demi kehidupan sihat.

Justeru, Sekuriti dan Keterjaminan Makanan Negara perlu diteruskan dan diperkukuh melalui kerjasama pada peringkat Persekutuan dan Negeri berlandaskan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (2021-2025) dan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030). Penglibatan Kementerian, agensi-agensi pusat dan pemegang-pemegang taruh perlu dipergiat dalam melaksanakan dasar-dasar yang menyokong visi dan misi Kementerian ini.

Meskipun pengeluaran makanan negara menunjukkan trend peningkatan, ianya masih tidak dapat mengimbangi peningkatan dalam sekuriti makanan. Keselamatan makanan boleh dilihat dari segi ketersediaan, kebolehcapaian, penggunaan dan kestabilan. Prestasi Malaysia dalam *Global Food Security Index* (GFSI) bagi tahun 2022 telah menunjukkan:

- a) Malaysia berada di tangga ke-41 dari 113 buah negara bagi tahun 2022 dengan mencatat prestasi yang sederhana dengan skor sebanyak 69.9; dan
- b) berdasarkan ranking, Malaysia berada di kedudukan ke-8 dalam kalangan negara Asia Pasifik; manakala dalam kalangan negara Asia Tenggara (ASEAN), Malaysia berada di tangga ke-2 selepas Singapura.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyahut seruan ini dengan cadangan mewujudkan Program *PJ City Food Valley* iaitu sebuah projek agro Bandar di skim-skim perumahan kos rendah yang telah dikenal pasti di Petaling Jaya di bawah *thematic economically vibrant city*, Blueprint Petaling Jaya Pintar, Mampan & Berdaya Tahan 20230 (PJSSR 2030). Program berkaitan agro bandar ini sangat signifikan untuk dilaksanakan dan merupakan suatu strategi pengurusan pelbagai

dimensi yang mampu mengatasi banyak masalah perbandaran dan memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Cadangan pelaksanaan projek agro bandar ini sangat signifikan bagi menjadikan bandar raya Petaling Jaya berdaya tahan (*resilient*) dari aspek keselamatan makanan (*food security*) khususnya ketika berlaku krisis atau bencana, penyediaan peluang pekerjaan, peningkatan ekonomi golongan berpendapatan rendah dan seterusnya pembasmian kemiskinan bandar. Selain itu, antara objektif utama bagi cadangan pelaksanaan ini adalah:

- a) Menjalankan projek agro bandar yang moden, berasaskan kepada penggunaan teknologi tinggi dan mesra alam.
- b) Menerapkan konsep berdaya tahan (*resilient*) dan menambahbaik komponen jaminan keselamatan makanan (*food security*) khususnya makanan segar kepada golongan rentan semasa berlakunya krisis/ bencana melalui platform "*PJ City Food Bank*".
- c) Menyediakan peluang pekerjaan, latihan dan tambahan pendapatan khususnya kepada isi rumah miskin bandar, B40 dan ibu tunggal yang tinggal di skim-skim perumahan kos rendah.
- d) Mengoptimalkan penggunaan tanah rizab kerajaan di sekitar skim perumahan kos rendah daripada tidak digunakan, terbiar dan diceroboh.
- e) Menyokong dan menambahbaik program kebun komuniti pada konsep dan skala yang lebih besar serta berimpak tinggi.

- f) Menjadikan projek agro bandar ini sebagai pusat pembelajaran (*learning centre*), kajian dan pembangunan (*research & development - R&D*) dan tarikan pelancongan *tourist attraction*.
- g) Mengukuhkan kolaborasi dan jaringan kerjasama rakan strategik dengan pihak swasta dan pelbagai agensi kerajaan.

Berdasarkan ini, Majlis telah mengenalpasti tanah-tanah rintisan letrik sama ada berstatus tanah kerajaan atau rizab hutan yang tidak digunakan, berada berdekatan dengan skim perumahan kos rendah dan mempunyai aksesibiliti yang baik untuk dijadikan tapak projek. Sebanyak empat (4) cadangan tapak projek telah dikenal pasti iaitu **Rizab Hutan/ TNB, Sri Damansara, PJU 9, Petaling Jaya (Keluasan 25 ekar), Rizab Hutan/TNB, Pelangi Damansara, PJU 6, Petaling Jaya (Keluasan 25 ekar), Rizab TNB, Sri Manja, PJS 3, Petaling Jaya (Keluasan 14 ekar) dan Rizab TNB, Desa Peransang, PJS 3, Petaling Jaya (Keluasan 18 ekar).**

Alhamdulillah, untuk makluman semua program *PJ City Food Valley* ini telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat EXCO MTES yang telah diadakan pada 11 Mei 2022. Manakala pada 14 Disember 2022 pula, permohonan lesen menduduki sementara (TOL) turut diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui mesyuarat EXCO MTES. Secara prinsipnya, Kerajaan Negeri melihat program ini bersesuaian dengan Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTA Selangor) dan membantu Program Sekuriti Makanan Negeri. Kini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam peringkat memuktamadkan memorandum persefahaman (MoU) kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS).

Secara keseluruhannya, langkah transformasi keterjaminan makanan negara perlu diambil. Pelbagai usahasama perlu dijalinan seperti perlunya penglibatan proaktif dalam kalangan ahli akademik dan sektor swasta, penggalakkan inovasi serta langkah mitigasi bagi menangani ancaman perubahan iklim.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

8. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima “*Special Recognition Award*” yang disampaikan oleh Duli Yang Amat Mulia Raja Di-Hilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzurkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A’fifullah Shah bersempena dengan majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Perancangan 2022 (*Planning Excellence Awards 2022 – MIPPEA 2022*).

Majlis ini merupakan acara kemuncak di dalam senarai program Sambutan Jubli Emas MIP yang diraikan pada tahun 2022 yang menyaksikan penganugerahan kepada tokoh-tokoh perancang bandar dan juga penganugerahan kepada bandar-bandar dan projek-projek perancangan terbaik termasuk mengiktiraf hasil kerja dan projek yang telah berjaya membuat perubahan kepada sesuatu bandar, tempat, ruang, komuniti dan alam sekitar ke arah yang lebih baik.

Selain itu, Majlis telah berjaya merangkul 2 anugerah MIPPEA iaitu *Silver Award* bagi kategori *Placemaking and Public Space* bagi Projek PJ Eco Recycling Plaza – *An Untold Story About Waste* dan *Bronze Award* bagi kategori *Placemaking and Public Space* - Projek PJ Kota Seni @ Seksyen 52.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

9. Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus memacu perancangan dan pembangunan masa hadapan dalam melestarikan bandar raya Petaling Jaya berlandaskan kepada Pelan Strategik PJSSR 2030 yang telah dirangka. Di antara fokus yang dititikberatkan adalah berkaitan aspek kebersihan dan keindahan selari dengan halatuju kelestarian alam sekitar sebagai salah satu usaha untuk mensejahterakan penduduk Petaling Jaya.

Di dalam usaha mengekalkan Petaling Jaya sebagai *Low Carbon City*, Majlis telah melancarkan program *PJ Watch* bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada penduduk Petaling Jaya serta pemegang taruh bahawa menjaga kebersihan bandar raya adalah tanggungjawab kolektif. Inisiatif ini berteraskan serampang dua mata iaitu dengan memberikan pendidikan berkaitan kepentingan menjaga kebersihan serta menguatkuasakan undang-undang ke atas individu yang membuang sampah di merata tempat.

Sebanyak 3,658 *flyers PJ Watch* telah diedarkan di sekitar kawasan Pusat Bandar Seksyen 52 seperti di premis-premis perniagaan, emporium makan Kompleks C dan Laman MBPJ. Dalam masa yang sama, sebanyak 78 teguran telah diberikan kepada mereka yang melakukan kesalahan sepanjang tempoh pendidikan. Hebahan dan promosi berkenaan program turut diadakan di laman sosial rasmi Majlis, tayangan skrin di Laman MBPJ dan papan tanda digital di sekitar Petaling Jaya. Penguatkuasaan *PJ Watch* akan mula dilaksanakan bermula 1 Februari 2023 di mana tindakan kompaun maksima RM 1,000 dan pendakwaan mahkamah boleh dikenakan kepada pesalah.

Majlis berharap agar masyarakat dan *stake holders* di Petaling Jaya sentiasa menitikberatkan aspek kebersihan dan keindahan bandar raya. Bagi mencapai hasrat ini, masyarakat perlu berpegang teguh kepada sikap bertanggungjawab serta *sense of belonging* dalam memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin menjemput Tuan/Puan untuk bersama-sama menyambut sambutan perayaan Tahun Baharu Cina peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya sejurus selepas tamatnya Mesyuarat Majlis ini. Ayuh kita semua memeriahkan sambutan ini yang akan diadakan di laman MBPJ memandangkan tahun kebelakangan ini kita dihadkan sambutan perayaan oleh pandemik COVID-19.

**Sekian, terima kasih.**